



## PM tiba untuk lawat P.Pinang

**PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan baris hadapan) diringi oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu, se-jurus selepas Perdana Menteri mendarat dengan kapal terbang eksekutif untuk lawatan rasmi ke negeri itu mulai semalam.**

Rombongan Perdana Menteri termasuk Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Goh Cheng Teik (kiri sekali berkacamata) dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (tidak kelihatan dalam gambar). Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Hasmah Ali, turut serta dalam rombongan tersebut.

Ketibaan Perdana Menteri dan rombongannya itu disambut oleh Dr. Lim dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Syed Zainal Abidin Jamallullail, di samping sambutan bergemuruh yang diberikan oleh satu pasukan kom-pang.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia